

NO. SOALAN: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 6 APRIL 2015 (iSNIN)

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan mengguna cadangan mengantikan label "Lain-lain" dengan Dayak dalam semua borang rasmi Malaysia. Atau Kerajaan berhasrat untuk memansuhkan label kaum dalam semua borang rasmi Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak pada 5 Mac 2015 telah bersetuju dengan cadangan penggunaan istilah 'Dayak' ditambah pada ruangan kaum dalam Borang Rasmi Kerajaan.

Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak akan mengemukakan perkara ini kepada Jemaah Menteri untuk persetujuan dan seterusnya dapat dikuatkuasakan kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan amat prihatin mengenai perkara ini dan sebarang penampaikan akan dibincangkan dari masa ke semasa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.